

<b>Headline</b>	<b>Anak nelayan teroka hutan</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Sinar Harian (Pahang)</b>		
<b>Date</b>	13 Jun 2013	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>NEWS</b>	<b>Circulation</b>	<b>60,000</b>
<b>Page No</b>	<b>40</b>	<b>Readership</b>	<b>180,000</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>194 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 1,067</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 3,201</b>



# Anak nelayan teroka hutan

**KUALA ROMPIN** – Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Kuala Rompin membawa anak nelayan yang akan menduduki peperiksaan pada tahun ini ke hutan Frim di Kepong untuk menjimba pengalaman baru selain memberi pendedahan mengenai dunia baru yang mungkin tidak pernah dialami sebelum ini.

Pengurus Besar Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Kuala Rompin, Ahmad Mohd Amin berkata, kebiasaan anak nelayan lebih terdedah dengan persekitaran pantai dan laut kerana faktor tempat tinggal serta pekerjaan ibu bapa mereka.

"Kami cuba mengubah persepsi itu dengan membawa mereka ke hutan Frim di Kepong agar minda mereka lebih terbuka sekali gus membolehkan mereka menghadapi peperiksaan pada tahun ini dengan lebih baik."

"Pendedahan sebegini penting bagi membuka fikiran anak nelayan terhadap dunia luar," katanya.

Menurutnya, seramai 73 anak nelayan dari sekolah rendah dan menengah sekitar Rompin terpilih menyertai program lawatan tiga hari dua malam ini.

"Peserta begitu seronok ketika melalui *canopy walkway* dan diberi pengetahuan baru mengenai kayu balak. Mereka



**“Saya percaya mereka akan terkesan dengan lawatan ini dan seterusnya mula mencintai serta menjaga khazanah alam.”**

**Ahmad**



Anak nelayan yang menyertai lawatan sambil belajar anjuran PNK Kuala Rompin di FRIM, Kepong mendengar taklimat daripada jurupandu.

juga dibawa mendaki hutan simpan Frim selain menerima pelbagai maklumat mengenai hutan dan alam sekitar.

"Saya percaya mereka akan terkesan dengan lawatan ini dan seterusnya mula mencintai serta menjaga khazanah alam," katanya.

Ahmad berkata, kos ditaja PNK Kuala Rompin termasuk

elaun yang diberikan kepada semua peserta.

"Insya-ALLAH, program seperti ini akan diadakan lagi pada masa depan," katanya.

Difahamkan, persatuan yang ditubuhkan sejak 32 tahun lalu ini turut menumpukan penganjuran kursus dan memberi sumbangan kepada nelayan.